

Headline	Lima kedai siswa 1 Malaysia siap untuk beroperasi: Khaled		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	3	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	53 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 103
Frequency	Daily	PR Value	RM 309



Lima kedai siswa 1 Malaysia siap untuk beroperasi: Khaled

KUALA LUMPUR: Lima Kedai Siswa 1 Malaysia 'Siswa-Save' telah siap untuk beroperasi di lima universiti awam, termasuk di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang dilancarkan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kelmarin.

Selain UIAM, Kedai Siswa di Universiti Teknologi Mara, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Tun Hussein

Onn Malaysia juga bersedia untuk memulakan operasi.

"Lapan lagi Kedai Siswa akan ditubuhkan dalam masa terdekat," katanya. Pada sidang media selepas melancarkan Kedai Siswa dan Seminar Koperasi Siswa bertajuk 'Koperasi Menjana Transformasi Minda Keusahawanan Mahasiswa' di UIAM di sini.

Beliau berkata pembukaan Kedai Siswa 1 Malaysia di 13 institusi pengajian tinggi (IPT) awam itu dirancang dengan ker-

jasama Koperasi Usahawan Siswa (Kosiswa) di universiti masing-masing.

Mohamed Khaled berkata kedai berkenaan yang menawarkan harga barangan yang kompetitif berbanding kedai runcit di luar kampus dapat mengurangkan beban penuntut universiti.

Mohamed Khaled berkata sehingga kini, terdapat 153 koperasi di IPT awam dan swasta termasuk politeknik, kolej komuniti dan kolej swasta didaf-

tarkan.

Katanya jumlah keanggotaan koperasi seramai 198,205 orang di IPT berjaya mengumpul modal berjumlah RM87.19 juta dan menjana perolehan RM112 juta daripada aktiviti perniagaan.

Sehubungan itu, beliau mahu IPT di seluruh negara bergiat aktif dalam kegiatan koperasi bagi merealisasikan Dasar Koperasi Negara yang menyasarkan penubuhan 1 Koperasi 1 Universiti menjelang 2020. -Bernama